

## **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PROGRAM MPOB RACE 2025 BERSEMPENA SAMBUTAN 25 TAHUN MPOB**

---

### **1. Acara**

Acara ini dinamakan Program MPOB Race bersempena Sambutan 25 Tahun MPOB.

### **2. Objektif**

- Memberi pendedahan awal kepada golongan muda mengenai MPOB dan industri sawit Malaysia.
- Memperkenalkan fungsi, aktiviti dan penyelidikan yang dijalankan oleh MPOB.
- Meningkatkan pengetahuan awam terhadap peranan MPOB dalam pembangunan industri sawit negara.
- Menanamkan minat untuk menceburi bidang sains dan teknologi.
- Mendorong semangat berpasukan dalam kalangan peserta muda.

### **3. Penganjur Acara**

Acara ini dikelolakan oleh Jawatankuasa Penyelaras MPOB Race 2025.

### **4. Penyertaan dan pendaftaran**

- Terbuka kepada orang awam dan ahli keluarga kakitangan MPOB.
- Had umur peserta: **13 hingga 17 tahun sahaja.**
- Setiap kumpulan perlu terdiri daripada 2 orang peserta.
- Penyertaan dihadkan kepada 100 kumpulan sahaja.
- Setiap pasukan hendaklah mengisi borang menggunakan QR pendaftaran yang tersedia. Borang penyertaan yang lengkap hendaklah dilampirkan bersama-sama resit sebagai bukti pembayaran yuran penyertaan kepada pihak penganjur.
- Yuran setiap penyertaan adalah sebanyak RM 10.00.
- Pembayaran yuran perlulah secara pemindahan atas talian (*online transfer*) ke akaun berikut dan resit pembayaran dilampirkan semasa membuat pendaftaran:

Nama : Kelab Sukan dan Sosial MPOB (KSSM)  
Bank : CIMB Bank Berhad  
No. akaun : 8002 8777 20  
Remarks : **MPOB Race 2025**

- Sila tuliskan Ref: NAMA KUMPULAN dan satu nombor telefon ahli pasukan anda pada resit / slip bayaran.



## **5. Peraturan Acara**

- Peserta dikehendaki memakai pakaian sukan dan berkasut semasa hari pertandingan.
- Acara akan dijalankan dalam bentuk perlumbaan cabaran berkumpulan (berjalan kaki).
- Peserta akan melalui beberapa stesen cabaran dan menjawab soalan berkaitan MPOB dan industri sawit.
- Peserta perlu mematuhi peraturan dan arahan fasilitator sepanjang acara.
- Kumpulan yang gagal mematuhi arahan atau cuba menipu akan disingkirkan serta-merta.

## **6. Tarikh dan Tempat Berkumpul**

- **Tarikh** : 2 Ogos 2025 (SABTU)
- **Masa** : 8.00 pagi
- **Tempat** : Dewan Bactris, Ibu Pejabat MPOB, Bangi.

Semua peserta perlu hadir di tempat pelepasan di hadapan Dewan Bactris selewat-lewatnya jam 8.30 pagi bagi taklimat berkenaan program MPOB Race 2025 dan syarat-syarat pertandingan. Pelepasan akan bermula pada jam 9.00 pagi, 2 Ogos 2025 (Sabtu).

Sarapan pagi ringan akan disediakan oleh pihak pengajur sebelum acara pelepasan bermula.

## **7. Format Acara**

- Pelepasan akan dilakukan di hadapan Dewan Bactris bermula jam 9.00 pagi, 2 Ogos 2025 (Sabtu).
- Semasa pertandingan, setiap kumpulan perlu membawa sebuah telefon pintar dengan akses internet kerana soalan akan diberikan dalam format atas talian Google Form.
- Sebanyak 25 soalan perlu dijawab dalam tempoh 1 jam 30 minit bermula dari masa pelepasan.
- Arah tuju lokasi adalah berpandukan “clue” (soalan) yang akan diberi di permulaan acara dan tempat-tempat yang ditetapkan pihak pengajur
- Setiap soalan yang dijawab dengan betul akan diberi satu markah.
- Sekiranya peserta melebihi masa yang ditetapkan, penalti akan dikenakan iaitu 2 markah akan ditolak bagi setiap 5 minit.

Contoh: Sekiranya kumpulan ABC lewat 10 minit, sebanyak 4 markah akan ditolak dari markah keseluruhan.

## **8. Sistem Pemberian Markah dan Penentuan Pemenang**

Penentuan pemenang akan dibuat oleh jawatankuasa pengajur berdasarkan ciri penilaian dan keutamaan dari segi:

- a) Setiap jawapan yang tepat dan lengkap
- b) Kecepatan masa;
- c) Kerjasama pasukan; dan lain-lain

## **9. Tanggungjawab Peserta**

- Peserta bertanggungjawab terhadap keselamatan diri masing-masing.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan, kehilangan atau kerosakan yang berlaku sepanjang acara.

## **10. Keputusan Penganjur**

- Penganjur berhak membatalkan penyertaan kumpulan yang terbukti melanggar syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan.
- Sebarang bantahan dari kumpulan atau orang perseorangan tidak akan dilayan.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap kemalangan, kerosakan, kehilangan barang, kesalahan undang-undang yang dilakukan atau sebarang tuntutan gantirugi dari peserta yang menyertai acara ini.
- Keputusan penganjur adalah muktamad.

## **11. Tarikh Tutup Penyertaan**

- Borang penyertaan yang boleh diisi menggunakan QR code yang dilampirkan dengan resit pembayaran yuran penyertaan hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Penganjur pada atau sebelum **11 Julai 2025** jam 5.00 petang.
- Penyertaan adalah berdasarkan jumlah penyertaan yang telah ditetapkan berpandukan "**first come first serve basis**".
- Kumpulan yang menarik diri selepas tarikh tutup penyertaan tidak akan dilayan. **YURAN PENYERTAAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.**
- Pertanyaan teknikal boleh berhubung dengan Dr. Mohd Najib Ahmad (012-687 0607) atau Cik Insyirah Mohamad Shah (019-319 1309).